

Perintah kepada sekumpulan orang menghendaki kewajibannya atas setiap orang daripada mereka, kecuali kalau ada dalil (yang mengkhususkan sesiapa daripada mereka).	الْأَمْرُ لِجَمَاعَةٍ يَقْتَضِي وَجُوبَهُ عَلَى كُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمْ إِلَّا لِدَلِيلٍ	قاعدة 37
---	--	-----------------

Keterangan: Perintah kepada sekumpulan orang boleh jadi berlaku dengan menggunakan lafaz tertentu yang sememangnya menunjukkan ma'na umum. Boleh jadi juga ia berlaku dengan menggunakan lafaz yang tidak menunjukkan ma'na umum.

Bentuk pertama, iaitu dengan menggunakan lafaz tertentu yang sememangnya menunjukkan ma'na umum, terbahagi pula kepada dua keadaan. Sama ada ia (a) Mempunyai dalil ikhtisas yang menunjukkan ia tidak ditujukan kepada semua mereka, sebaliknya ia hanya ditujukan kepada sebahagian daripada mereka sahaja. (b) Atau tidak ada dalil seperti itu, maka dalam keadaan ini perintah kepada sekumpulan orang memang menghendaki setiap orang daripada mereka melakukan apa yang diperintahkan. Qaedah 37 yang sedang kita bicarakan sekarang pada dasarnya berkaitan dengan keadaan (b) ini. Maka tidak ada siapa pun yang terkecuali daripada perintah sedemikian. Ini kerana haraf "و" pada kata suruh (فعل أمر) dalam bentuk jama', (افعلوا) sebagai contohnya) sama seperti haraf "و" pada perkataan "زيدون" yang menunjukkan beberapa orang lelaki yang bernama Zaid. Kepada setiap orang daripada mereka seolah-olahnya dikatakan: افعل أنت وأنت وأنت وأنت .

Antara contohnya ialah firman Allah berikut:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah zakat dan ta'atlah kamu kepada Rasul Allah; supaya kamu beroleh rahmat. (an-Nuur:56).

Dalam perintah ini lafaz umum (صيغة الجمع) diguna dan ia ditujukan kepada orang-orang Islam. Tidak ada pula apa-apa dalil yang memalingkannya daripada memberi ma'na umum, kalau begitu difahamilah bahawa perintah supaya mendirikan sembahyang, memberi zakat dan ta'at kepada Rasul Allah itu mengenai setiap orang Islam.

Dalam keadaan ada dalil yang memalingkan perkataan umum daripada memberi ma'na umum pula, maka dalil seperti itu terbahagi kepada dua juga. (a) Dalil yang mengeluarkan sebahagian tertentu sahaja daripada ma'na umumnya. (b) Dalil yang mengeluarkan beberapa orang, tetapi secara tidak tentu. Bentuk (a) itu dipanggil juga

عام مخصوص منه البعض. Sebahagian tertentu yang dikeluarkan daripada ma'na umum itu boleh diketahui dengan disebut sesiapa secara khusus misalnya, seperti tersebut di dalam firman Allah di bawah ini:

قَالُوا إِنَّا أُرْسِلْنَا إِلَى قَوْمٍ مُّجْرِمِينَ ﴿٥٨﴾ إِلَّا آلَ لُوطٍ إِنَّا لَمُنَجُّوهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٥٩﴾ إِلَّا امْرَأَتَهُ قَدَّرْنَا إِنَّهَا لَمِنَ الْغَائِرِينَ ﴿٦٠﴾

Maksudnya: Mereka menjawab: Kami diutus kepada suatu kaum yang berdosa (untuk membinasakan mereka). (58). Melainkan keluarga Nabi Lut; sesungguhnya kami akan menyelamatkan mereka semuanya, (59). Kecuali isterinya; kami telah tentukan (menurut keputusan Tuhan) sesungguhnya dia dari orang-orang yang tinggal (menerima kebinasaan). (60). (al-Hijr:58-60).

Daripada ma'na umum yang terdapat pada perkataan مجرمين (suatu kaum yang berdosa), mula-mula sekali dikeluarkan keluarga Nabi Luth sahaja yang akan diselamatkan. Keluarga Nabi Luth di dalam ayat ke-59 masih lagi umum. Dikatakan semuanya akan selamat, tetapi menerusi ayat ke-60 dikecualikan pula seorang sahaja daripada mereka. Dia sahaja yang tidak terselamat. Dia adalah isteri Nabi Luth a.s. sendiri.

Sebahagian tertentu yang dikeluarkan daripada ma'na umum itu juga boleh diketahui dengan disebut sifatnya secara khusus, seperti tersebut di dalam firman Allah berikut:

الْأَخِلَاءُ يَوْمَئِذٍ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ إِلَّا الْمُتَّقِينَ ﴿٦٧﴾

Maksud: Pada hari itu sahabat-sahabat karib, sebahagiannya akan menjadi musuh kepada sebahagian yang lain, kecuali orang-orang yang persahabatannya berdasarkan taqwa (iman dan amal saleh). (az-Zukhruf:67).

Perkataan المتقين mengkhususkan ma'na umum yang terdapat pada مستثنى منه yang tersebut sebelumnya. Dan ia merupakan sifat.

Contoh perintah dengan menggunakan lafaz yang tidak menunjukkan ma'na umum ialah firman Allah ini:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٣﴾

Bermaksud: Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan (mengembangkan Islam), menyuruh kepada yang ma'ruf

(menyuruh berbuat segala perkara yang baik) dan mencegah dari yang munkar (yang salah, jahat dan keji); merekalah orang-orang yang beruntung. (Aali `Imraan:104).

Lafaz منكم أمة (di antara kamu segolongan umat) adalah lafaz yang tidak menunjukkan ma'na umum. Walaupun di sini juga terdapat perintah Allah dan ia ditujukan kepada orang-orang Islam. Tetapi bukan setiap orang daripada mereka diwajibkan melaksanakannya. Hanya sebahagian umat sahaja yang diperintahkan supaya menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar. Apabila telah ada segolongan orang melaksanakannya, maka terlepaslah kewajiban daripada yang lain-lain. Perintah yang tidak mewajibkan setiap orang Islam melakukannya itulah dinamakan fardhu kifayah.